

# Rancangan PKPM tumbang kerajaan sesuatu yang gila — PM

UM, 7 JUL 2003

KUALA LUMPUR 26 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan rancangan pemimpin pertubuhan haram Pasukan Khas Perskutuan Malaysia (PKPM) yang berpangkat 'Jeneral' mahu menjatuhkan kerajaan dan menjadi Perdana Menteri keenam Malaysia, sebagai sesuatu yang gila.

Perdana Menteri berkata, kumpulan itu hanya bertindak mengikut inspirasi yang semuanya tidak munasabah.

"Saya ingat (kumpulan berkenaan) gila apabila hendak menjatuhkan kerajaan dan hendak menjadi Perdana Menteri dengan menuhkan pasukan khas," katanya selepas melancarkan Gerakan Daya Wawasan di

Stadium Putra Bukit Jalil, di sini hari ini yang turut dihadiri oleh Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

## ● Latihan tentera ahli PKPM September — Muka 12

Kenyataan itu reaksi pertama Perdana Menteri selepas kegiatan PKPM dibongkar oleh polis dengan tertangkapnya beberapa lelaki yang dipercayai pemimpin kumpulan terbabit.

Polis kelmarin menangkap ketua kumpulan berkenaan yang berpangkat 'Jeneral' dan sedang memburu seorang jutawan berketurunan Cina yang dipercayai orang kanan PKPM.

Pada masa yang sama, polis turut melancarkan gerakan besar-besaran bagi mengcsan kira-kira 8,000 ahli pertubuhan haram itu.

Sementara itu, Abdullah yang ditanga mengenai perkembangan kes berkenaan memberitahu bahawa beliau sudah menerima laporan awal daripada polis.

"Pada waktu ini siasatan masih diteruskan membabitkan Cawangan Khas Jabatan Siasatan Jenayah dari aspek jenayah serta keselamatan dan mereka akan beri laporan kepada saya kemudian," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, maklumat awal menunjukkan kegiatan PKPM tidak

mempunyai sebarang hubungan dengan mana-mana kumpulan militan.

Beliau bagaimanapun menasihatkan 8,000 ahli kumpulan itu yang masih bebas agar menyerah diri kepada pihak berkuasa.

Katanya, ahli-ahli PKPM perlu menyedari bahawa tindakan mereka merupakan satu kesalahan jenayah dan mengancam keselamatan.

"Sepatutnya mereka serah diri. Tinggalkan gerakan yang tidak memberi kebaikan kepada negara ini," katanya sambil menambah bahawa polis akan menjalankan siasatan menyeluruh dan intensif terhadap mereka.

■ Lihat muka 4

## Rancangan PKPM tumbang kerajaan sesuatu yang gila — PM

Mengenai dakwaan 'Jeneral' itu yang mendakwa bakal dilantik menjadi Perdana Menteri keenam bagi menggantikan Abdullah Kelak - berdasarkan kepada 'Formula RAHMAN', Timbalan Perdana Menteri berkata:

"Kadang kala rakyat Malaysia mudah percaya sangat dengan perkara macam ini."

Polis yang melancarkan operasi memburu 'Jeneral' terbabit turut merampas satu dokumen berbingkai yang dikenali sebagai Formula RAHMAN.

Formula itu tertulis: R-Rahman, A-Abdul Razak, H-Hussein Onn, M-Mahathir, A-Abdullah Badawi dan N-Nor Azami.